
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 314 – Karya Terpilih Kesusasteraan Arab Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan kesemuanya.

Anda dikehendaki menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

BAHAGIAN A. Tokoh Sasterawan Arab Moden (Jawab satu soalan)

1. Bincangkan sumbangan tokoh sasterawan Arab di bawah ini dalam perkembangan Sastera Arab Moden:

(a) Taha Husayn (1889 – 1973)

(25 markah)

atau

(b) Ghassan Kanafani (1936 – 1972)

(25 markah)

BAHAGIAN B. Novel Arab Moden (Jawab satu soalan)

2. Huraikan tentang tema dan persoalan novel *Men in the Sun* oleh Ghassan Kanafani.

(25 markah)

3. Bincangkan dengan jelas tentang watak dan perwatakan Nafisah dalam novel *Bermula dan Berakhir* karya Najib Mahfuz.

(25 markah)

4. (a) Pilih satu watak penting dalam novel *Season of Migration to the North* oleh Tayyib Salih dan bincangkan dengan jelas mengenai pandangannya tentang kehidupan ini.

(25 markah)

atau

- (b) “Novel *Hari-Hari Berlalu* adalah novel autobiografi mengenai pengarangnya Taha Husayn”.

Bincangkan tentang kenyataan di atas.

(25 markah)

BAHAGIAN C. Cerpen Arab Moden (Jawab satu soalan)

5. Pilih TIGA (3) cerpen daripada Antologi Cerpen Arab Moden. Bincang dengan jelas tentang tema dan persoalannya.

(25 markah)

6. Anda dikehendaki pilih SATU (1) sahaja cerpen daripada Antologi Cerpen Arab Moden yang anda minati. Bincangkan tentang DUA (2) watak penting di dalamnya dengan jelas.

(25 markah)

BAHAGIAN D. Puisi Arab Moden (Jawab satu soalan)

7. Beri tafsiran anda sendiri maksud puisi bertajuk “Aku” nukilan penyair Nazik al-Malaikah (Lampiran A).

(25 markah)

LAMPIRAN A

AKU

oleh: Nazik al-Malaikah
(Terjemahan: Us: Ali Md. Isa)

Malam bertanya siapa Aku
Aku rahasia gelisahnya yang datang dan gelap gelita
Aku sunyinya yang liar
Aku tutup perangaiku dengan diam
Dan aku bungkus hatiku dengan syak wasangka.

Aku berdiri tegak di sini
Aku memandang dan masa bertanya aku
Siapa dia Aku?

Angin bertanya siapa aku
Aku nyawanya yang bingung, yang tidak dikenali zaman
Aku sepertinya, tiada tempat
Kami kekal berjalan, tiada penghabisan
terus lalu, tiada tinggal
Apabila kami sampai ke selekoh,
Kami fikir itu celaka penghabisan
Tiba-tiba angkasa.

Masa bertanya siapa aku?
Aku sepertinya, gergasi perkasa menggolong masa
Dan aku kembali memberinya kebangkitan
Aku menjadikannya masa lepas yang jauh
Dari dugaan cita-cita mewah
Dan dia balik menolak aku
Membuat untukku kelmarin yang baru
Dan besoknya bersalji.

Diri bertanya siapa aku?
Aku sepertinya, bingung memandang di dalam gelap
Tiada apa yang memberikanku kedamaian
Aku terus bertanya dan jawabannya
Aku terus diselubungi kabus
Aku sangka ia menghampiri
Apabila aku sampai dia berkecai
Kemudian padam dan hilang.